



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Selasa, November 15, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

200 sertai Orienteering Obstacle Challenge Green Campus Rakan Muda



Oleh: Rizal Razak

SERDANG, 23 Okt – Lebih 200 peserta menyertai Pertandingan Orienteering Obstacle Challenge Green Campus Rakan Muda sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Penasihat Sekretariat Rakan Muda UPM, Rizal Razak berkata penglibatan mahasiswa di dalam program kokurikulum seperti sukan rekreasi akan menjadi nilai tambah kepada para graduan.

"Pada masa kini, majikan tidak mahukan graduan yang pasif sebaliknya akan memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang mempunyai kemahiran insaniah dan aktif melibatkan diri dalam bidang kokurikulum," katanya.

Sementara itu, pertandingan sejauh lima kilometer itu memerlukan peserta menggunakan kompas dan peta untuk mencari beberapa titik kawalan yang diletakkan di kawasan tertentu dengan beberapa cabaran yang perlu ditempuh menjadikan sukan rekreasi itu mendapat tarikan.

Penganjuran selama dua hari yang diselenggarakan oleh Sekretariat Rakan Muda UPM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Taman Pertanian Universiti (TPU) itu mendapat sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dua kategori dipertandingkan iaitu Interkolej dan Terbuka UPM yang menawarkan hadiah wang tunai RM100 hingga RM250 manakala 40 peserta terawal mendapat medal dan sijil penyertaan.

Hadiah disampaikan Pengarah Cawangan Pembangunan Potensi, Bahagian Pembangunan Rakan Muda KBS, Sabran Abd Bahar. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 15 Nov 2016

